

1984

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA) -- KAKITANGAN WANITA DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN KINI BOLEH MENIKMATI CUTI BERSALIN DAN LAIN-LAIN FAEDAH BAGI MELAHIRKAN SEHINGGA LIMA ORANG ANAK, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPUTUSAN MEMPERLUASKAN CUTI BERSALIN DAN KEMUDAHAN ITU BAGI TIGA ORANG YANG DIHADKAN SEKARANG KEPADA LIMA ORANG TELAH DILULUSKAN OLEH KABINET DALAM MESYUARATNYA DUA HARI LALU.

INI BERMAKNA KAKITANGAN WANITA BOLEH MELAHIRKAN SEHINGGA LIMA ORANG ANAK DENGAN MENDAPAT CUTI BERSALIN SELAMA 42 HARI DAN BAYARAN BERSALIN DIBIAYAI SEPENUHNYA OLEH KERAJAAN.

SEBELUM INI, MEREKA YANG HENDAK MELAHIRKAN ANAK KEEMPAT PERLU MENGAMBIL CUTI TAHUNAN DAN BAYARAN BERSALIN TERPAKSA DITANGGUNG OLEH MEREKA SENDIRI.

BERCAKAP DALAM SATU SIDANG AKHBAR, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN DENGAN PERLUASAN KEMUDAHAN BERSALIN ITU, UNDANG-UNDANG BURUH YANG ADA SEKARANG AKAN DIUBAHSUAIKAN NANTI.

INI SELARAS DENGAN PENGUMUMAN PERDANA MENTERI SEMASA MEMBENTANGKAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT UNTUK MENINGKATKAN JUMLAH PENDUDUK DI NEGARA INS KEPADA 70 JUTA MENJELANG 113 TAHUN AKAN DATANG.

-- LAGI 1742/LK

MAHATHIR-PENDUDUK 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, BERENTAK DENGAN MATLAMAT MENAMBAHKAN KEPENDUDUKAN ITU, KERAJAAN AKAN WENUKARKAN PERANAN MASADULU YANG MENEKANKAN PERANCANGAN KELUARGA DAN MENGHADKAN KELAHIRAN ANAK.

KEMPENYANG AKAN DIJALANKAN OLEH LEMBAGA PEMBANGUNAN KELUARGA DAN KEPENDUDUKAN (DULU LEMBAGA PERANCANG KELUARGA) IALAH MEMBERI PENEKANAN KEPADA PERLUNYA MENAMBAH ANAK YANG KELAHIRANNYA TERANCANG.

"INS SEDANG KITA USAHAKAN KLRANA MATLAMAT KITA IALAH UNTUK MEMPUNYAI PENDUDUK YANG RAMAI DAN SIHAT," TAMBANNYA.

DITANYA APAKAH LANGKAH YANG AKAN DIJALANKAN BAGI MENGGALAKKAN PENDUDUK MALAYSIA MENAMBAHKAN BILANGAN KELUARGA MEMANDANGKAN MEREKA KINI LEBIH CENDERONG KLPAA SEDIKIT ANAK, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: "KITA MEMPUNYAI CARA UNTUK MENUKARKAN SIKAP INI.

"MALAH KITA BOLEH MLN JADI PELOPOR MENAMBAHKAN JUMLAH ANAK DAN TIDAK TERIKUT DENGAN KONSEP NEGARA LAIN YANG INSIN MENGURANGKAN BILANGAN ANAK."

MAHATHIR-FENDUDUK 3 KUALA LUMPUR

SEBAGAI SEORANG DOKTOR, BELIAU MENASIHATKAN KAUM WANITA TERUTAMANYA YANG BARU BERKAHWIN SUPAYA MELAHIRKAN ANAK TERLEBIH DAHULU SEBELUM MEMIKIR UNTUK MERANCANG KELUARGA.

"SEMASA MENJADI DOKTOR DULU, ADA IBU MERTUA YANG DATANG MEMENUI SAYA MENGATAKAN BIAR ANAKNYA MENIKHATI HIDUP BERDUA DENGAN SUAMINYA SEBELUM MEMIKIRKAN TENTANG MASALAH ANAK."

PERDANA MENTERI TIDAK NAMPAK SEBARANG MASALAH ATAU BEBAN YANG AKAN DITANGGUNG OLEH KERAJAAN JIKA SETIAP WANITA KERAP MENGAMBIL CUTI BERSALIN DENGAN ADANYA CADANGAN KERAJAAN MENAMBAHKAN KEPENDUDUKAN INI.

KATANYA, DI KILANG UPMANYA, INI TIDAK HENDATANGKAN MASALAH KERANA SUDAH TENTU MEREKA BOLEH MEMIKIRKAN UNTUK MEREKA "ROBOT" BAGI MENJALANKAN TUGAS YANG KINI DIKENDALIKAN OLEH WANITA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA MEMPUNYAI PERSEDIAAN LENGKAP UNTUK MENGADAKAN JUMLAH KATIL DI HOSPITAL DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN KESIHATAN BAGI MENAMPUNG LEBIH RAMAI WANITA YANG DIJANGKA BERSALIN.

"DENGAN KITA MENAMBAHKAN PENGELUARAN DAN KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MENYERAHKAN SETENGAH PENGENDALIAN PROJEK KEPADA PIHAK SWASTA, LEBIH BANYAK CUKAI AKAN DIPEROLEHI YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MEMBINA LEBIH BANYAK SEKOLAH DAN HD6FITAL." KATANYA.

-- LAGI 1818/LK

MAHATHIR-PENDUDUK 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MENAMBAH PENDUDUK SEHINGGA 70 JUTA ITU DIBUAT KERANA NEGARA MAMPU MENAMPUNG BILANGAN PENDUDUK SEBANYAK ITU. MALAHAN MEMERLUKAN TENAGA KERJA UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA.

KATANYA, JUMLAH PENDUDUK DI MALAYSIA TERKECIL DI ASEAN (KECUALI BRUNEI) JIKA DIBANDINGKAN DENGAN INDONESIA YANG MEMPUNYAI 150 JUTA PENDUDUK MANAKALAFILIPINA DAN THAILAND MASING-MASING 50 JUTA SUNGGUHPUN PENDAPATAN PER KAPITA MEREKA LEBIH RENDAH DAN KEMUNGKINAN MEREKA MENINGKATKAN PENGELUARAN JUGA RENDAH DARI NEGARA INI.

BELIAU PERCAYA DENGAN TENAGAKERJADARI PENDUDUK TEMPATAN YANG RAMAI, NEGARA TIDAK PERLU LAGI MENGAMBIL PEKERJADARI THAILAND, FILIPINA DAN INDONESIA UNTUK MENJALANKAN BEBERAPA PROJEK DI NEGARA INI.

KATANYA, KEPENDUDUKAN YANG RAMAI TIDAK MENJADI HALANGAN KEPADA MALAYSIA DENGAN SYARAT PENDUDUK MEMUKARKAN KEBUDAYAAN KEPADA YANG BERASASKAN CEKAP, RAJIN, JUJUR DAN AMANAH YANG SEDANG DITANAM.

"JIKA KITA BERUSAHA MENJAYAKAN PENTADBIRAN YANG BAIK, DAN PRODUKTIVITI KITA TINGGI, TIDAK MENJADI MASALAH BAGI KITA MENAMBAHKAN BILANGAN PENDUDUK MALAHAN MENJADI KEKUATAN KEPADA KITA."

-- LAGI 1845/LK

MAHATHIR-PENDUDUK 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL DENGAN PIHAK TERTENTU YANG MENYOAL KEPUTUSAN KERAJAAN MENAMBAHKAN PENDUDUK SEHINGGA 70 JUTA DENGAN ALASAN KONONNYA TIDAK REALISTIK.

"ANGGARAN ITU TIDAK MUSTAHIL MALAHAN SATU PERKEMBANGAN NORMAL DALAM MASA 115 TAHUN AKAN DATANG, SAYA TIDAK KATA PENINGKATAN PENDUDUK ITU DILAKUKAN SEKELIP MATA KERANA, INI SUDAH TENTU MUSTAHIL," TAMBAHNYA.

BELIAU MENERANGKAN ANGGARAN DIBUAT MENGIKUT PERTAMBAHAN KADAR KELAHIRAN ATAU KADAR HIDUP SEBANYAK 3.2 PERATUS SETIAP TAHUN DAN, MENJELANG 115 TAHUN SUDAH TENTU IA MENINGKAT 70 JUTA PENDUDUK.

TETAPI JIKA ANGGARAN DIBUAT BERDASARKAN 2.3 PERATUS KELAHIRAN SETIAP TAHUN SEPerti YANG SENGAJA DIKURANGKAN SEKARANG INI, MAKA SUDAH TENTU JUMLAH PENDUDUK CUMA MENINGKAT KEPADA 35 JUTA.

-- BERNAMA 1919/LK